

SOALAN NO. 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 15 MAC 2018 (KHAMIS)

SOALAN :

**Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang) minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan:-**

- a) Sama ada Kementerian bercadang untuk meningkatkan jumlah bantuan kewangan ibu tunggal iaitu Bantuan Kanak-Kanak kerana

5

RM100 seorang atau RM450 maksimum adalah tidak cukup untuk menampung keperluan ibu tunggal memandangkan kos sara hidup semakin meningkat; dan

- b) Sama ada Kementerian akan melaksanakan Skim Insurans Ibu Tunggal dan Kad diskaun ibu tunggal.

6

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin akan cabaran hidup golongan ibu tunggal yang bertungkus lumus menyara kehidupan dan membesarkan anak-anak mereka.

Jumlah ibu tunggal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sehingga tahun 2017 adalah sejumlah **83,325** orang dan daripada jumlah tersebut sejumlah **33,640** orang ibu tunggal adalah merupakan penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melibatkan peruntukan sejumlah **RM77.7juta**.

Buat masa ini Kementerian masih belum bercadang untuk menaikkan kadar bantuan kanak-kanak untuk ibu tunggal. Walaubagaimanapun, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan **2Years Exit**

Programme (2YEP) iaitu membimbing dan galakan berdikari melalui penglibatan secara aktif dalam bidang pekerjaan samada bekerja dengan majikan atau menjalankan perniagaan sendiri. Perlaksanaan program ini juga turut memperkasa penerima bantuan JKM yang produktif termasuk ibu tunggal.

Kolaborasi pelbagai agensi kerajaan, swasta, sektor koprat, NGO dan orang perseorangan juga ditekankan dalam aspek pembangunan modal insan dan pemberian modal dalam pelaksanaan 2YEP. **Bantuan Geran Pelancaran (BGP)** sebanyak **RM2,700** sekaligus juga disalurkan kepada klien yang terlibat dalam program 2YEP.

KPWKM juga telah merangka satu Pelan Tindakan Pemerksaan Ibu Tunggal yang komprehensif merangkumi aspek pemerksaan dari segi ekonomi, sosial serta aspek penyelidikan dan penyelarasan. Pelan Tindakan tersebut telah mengambil kira pandangan dan maklum balas semua pihak yang berkepentingan, melalui beberapa siri sesi konsultasi dan bengkel yang melibatkan ibu-ibu tunggal, wakil agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi dan sektor swasta. Jabatan Pembangunan Wanita merupakan salah satu agensi

dibawah KPWKM yang berperanan sebagai satu jabatan yang memberi fokus kepada pembangunan kapasiti wanita termasuklah golongan ibu tunggal.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kementerian masih belum mempunyai cadangan untuk pelaksanaan Skim Insurans Ibu Tunggal dan Kad Diskaun Ibu Tunggal. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat disambut baik untuk penambahbaikan pada masa akan datang. Perkara ini akan dikaji dengan mengambil kira pandangan dan justifikasi daripada Kementerian/Agensi yang terlibat dalam pemberian skim insurans atau kad diskaun berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, beberapa kementerian telah melaksanakan penggunaan kad diskaun ini iaitu :

- i) **Kad Ceria** oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) khusus bagi membantu warga Wilayah Persekutuan menangani

9

bebanan kos sara hidup yang tinggi di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

- ii) **Kad Diskaun 1Malaysia (1MDC)** melalui inisiatif NBOS Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) yang bertujuan untuk membantu golongan yang memerlukan seperti OKU, Pesara dan Pelajar.

10

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN
ABDUL [PENDANG]**

TARIKH : 15.3.2018 (KHAMIS)

SOALAN : 13

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah Maahad
Tahfiz yang telah dibuat pendawaian semula dan
kosnya mengikut negeri.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, status pelaksanaan projek senggaraan dan baik pulih Maahad Tahfiz fasa 1 setakat 14 Februari 2018 adalah seperti berikut:

Bil	Negeri	Kos (RM)	Jumlah Pusat Tahfiz
1	Perlis	97,331.55	6
2	Kedah	358,133.95	31
3	Pulau Pinang	264,908.05	26
4	Perak	427,149.12	65
5	Selangor	1,179,367.25	87
6	Wilayah Persekutuan	145,703.40	11
7	Negeri Sembilan	564,208.64	35
8	Melaka	225,584.01	29
9	Johor	100,562.23	14
10	Pahang	428,396.67	28
11	Terengganu	236,441.35	37
12	Kelantan	373,134.85	43
13	Sabah	259,134.85	32
14	Sarawak	99,631.49	13
Jumlah		4,759,922.23	457